



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR
FREKUENSI 2500 MHz HINGGA 2690 MHz**

ARAHAN MENTERI NO. 3 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] ("**Akta**"), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2500 MHz Hingga 2690 MHz, Arahan Menteri No. 3 Tahun 2020**.
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2500 MHz Hingga 2690 MHz

4. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan untuk melaksanakan penguntukan spektrum melalui hak keutamaan di bawah seksyen 174 Akta kepada pemegang-pemegang lesen yang berikut:

No.	Nama Pemegang Lesen	Jalur Frekuensi yang Diperuntukkan
1	Altel Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201201010379)	2540 MHz hingga 2560 MHz berpasangan dengan 2660 MHz hingga 2680 MHz
2	Celcom Axiata Berhad (No. Syarikat: 198801000113)	2530 MHz hingga 2540 MHz berpasangan dengan 2650 MHz hingga 2660 MHz
3	Digi Telecommunications Sdn Bhd (No. Syarikat: 199001009711)	2560 MHz hingga 2570 MHz berpasangan dengan 2680 MHz hingga 2690 MHz
4	Maxis Broadband Sdn Bhd (No. Syarikat: 199201002549)	2510 MHz hingga 2520 MHz berpasangan dengan 2630 MHz hingga 2640 MHz
5	Redtone Engineering and Network Services Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001023412)	2500 MHz hingga 2510 MHz berpasangan dengan 2620 MHz hingga 2630 MHz
6	U Mobile Sdn Bhd (No. Syarikat: 199101013657)	2520 MHz hingga 2530 MHz berpasangan dengan 2640 MHz hingga 2650 MHz
7	Webe Digital Sdn Bhd (No. Syarikat: 200201003726)	2575 MHz hingga 2595 MHz
8	YTL Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 200701035605)	2595 MHz hingga 2615 MHz

5. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya untuk melaksanakan penguntukan spektrum kepada pemegang-pemegang lesen yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini.

6. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya, Suruhanjaya diarahkan selanjutnya untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Penguntukan spektrum seperti yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan

- (b) Mengambil apa-apa langkah dan tindakan lain supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna.

7. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: 15 MEI 2020

[KKMM.BKMCS).600-1/6/2(3)]



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia